



PROGRAM PASAR RAYA VISTA



Simulasi Pasar Raya, Pengalaman Sebenar, Pembelajaran Bermakna!



Pasar Raya Vista merupakan sebuah program Jabatan Bahasa Melayu yang dijalankan setiap tahun untuk murid-murid dari darjah satu hingga darjah empat. Program ini berbentuk **simulasi suasana pasar raya (mock-up market)** yang menyediakan persekitaran pembelajaran yang autentik, di mana murid-murid terlibat secara aktif sebagai penjual dan pembeli. Urusan jual beli dijalankan **sepenuhnya dalam bahasa Melayu**.



Sebagai sebuah program jabatan, Pasar Raya Vista direka untuk **memperkukuh penguasaan bahasa Melayu** melalui pengalaman pembelajaran yang bermakna dan berasaskan konteks sebenar. Murid-murid berpeluang **merancang, menyediakan dan mengendalikan reruai**, termasuk menyusun barang-barang jualan, menetapkan harga serta **berinteraksi dengan pelanggan**. Aktiviti ini menggalakkan pembelajaran melalui pengalaman pembelajaran amali dalam suasana yang menyerupai dunia sebenar.



Melalui program ini, murid-murid dapat mempraktikkan kemahiran berkomunikasi seperti:



Bertanya



Menawarkan produk



Berunding harga



Melaksanakan transaksi

dengan menggunakan laras bahasa yang sesuai.



Pengalaman ini bukan sahaja mengukuhkan penguasaan bahasa Melayu, malah **membina keyakinan diri, kemahiran sosial serta keupayaan berinteraksi secara efektif**.



Pasar Raya Vista menjadikan pembelajaran bahasa lebih bermakna kerana murid-murid bukan sekadar mempelajari bahasa, tetapi menggunakannya secara aktif dalam situasi dunia sebenar, selaras dengan aspirasi Jabatan Bahasa Melayu untuk melahirkan murid-murid yang **yakin, komunikatif dan berupaya** menggunakan bahasa Melayu dengan **berkesan dalam kehidupan harian**.



BELAJAR BAHASA, GUNA BAHASA, KUASAI DUNIA!



Bahasa Jiwa Bangsa, Pasar Raya Vista Wadah Pembelajaran!



GUNA BAHASA MELAYU, BUDAYA KITA!



OBJEKTIF PROGRAM PASAR RAYA VISTA



Berdasarkan Rangka Kerja Kecekapan Abad ke-21 (21CC), Kecekapan Abad ke-21 yang Memuncul (Emerging 21CC) serta Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2015 yang diperkukuh dalam 2024, program Pasar Raya Vista bertujuan untuk:

1

MEMPERKEMBANGKAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI DALAM KONTEKS AUTENTIK

Memberi peluang kepada murid-murid menggunakan bahasa Melayu secara efektif melalui aktiviti seperti bertanya, mempromosikan produk, berunding dan membuat transaksi dengan laras bahasa yang sesuai.



2

MEMUPUK KEMAHIRAN KOLABORASI, INTERAKSI SOSIAL DAN KEYAKINAN DIRI

Menggalakkan murid-murid untuk bekerjasama, berkongsi idea dan berinteraksi semasa mengendalikan reruai, sekali gus membina kemahiran interpersonal serta keyakinan dalam berkomunikasi.



3

MEMBANGUNKAN PEMIKIRAN ADAPTIF DAN INVENTIF SERTA NILAI TANGGUNGJAWAB

Melatih murid berfikir secara kreatif dan fleksibel dalam menyelesaikan masalah serta membuat keputusan, di samping memupuk sikap beretika, bertanggungjawab dan peka dalam interaksi harian.



Secara keseluruhan, Pasar Raya Vista menjadikan pembelajaran Bahasa Melayu lebih **bermakna** dengan menghubungkan penggunaan bahasa kepada pengalaman **sebenar**, selaras dengan matlamat kurikulum untuk melahirkan murid-murid yang mampu **berkomunikasi secara berkesan** dalam kehidupan seharian.



IMPAK PROGRAM PASAR RAYA VISTA

Belajar Bahasa,
Guna Bahasa,
Kuasai Dunia!

1



PEMBELAJARAN BAHASA DALAM KONTEKS BUDAYA DAN KEHIDUPAN SEBENAR

Program Pasar Raya Vista menghubungkan pembelajaran Bahasa Melayu dengan situasi kehidupan sebenar melalui pengalaman membeli-belah. Murid-murid didedahkan kepada bahan makanan dalam konteks budaya Melayu, sekali gus meningkatkan pemahaman mereka terhadap penggunaan bahasa dalam situasi autentik.

2



PENGUKUHAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI AUTENTIK

Melalui simulasi pasar raya, murid-murid menggunakan bahasa Melayu dalam interaksi sebenar sebagai penjual dan pembeli. Aktiviti seperti bertanya, menawarkan harga dan berunding membantu murid membina keyakinan serta keupayaan berkomunikasi secara berkesan dalam konteks sebenar.

3



PEMBELAJARAN RAKAN SEBAYA DAN PEMBANGUNAN NILAI

Murid-murid yang lebih berpengalaman membimbing rakan mereka dalam menjalankan aktiviti, sekali gus memupuk nilai kepimpinan, kerjasama dan tanggungjawab. Ini menjadikan pembelajaran lebih kolaboratif dan bermakna.

4



INTEGRASI TEKNOLOGI SELARAS EDTECH MASTERPLAN 2030

Selari dengan aspirasi EdTech 2030, murid berkongsi pengalaman dan refleksi melalui platform digital seperti Padlet. Ini menyokong pembangunan literasi digital asas serta penggunaan teknologi secara bertanggungjawab, sambil mengekalkan fokus kepada pembelajaran berasaskan pengalaman sebenar. Penggunaan SLS untuk Pengajaran dan Pembelajaran boleh dimanfaatkan untuk merakam interaksi lisan murid semasa aktiviti Vista Mart. Rakaman ini membolehkan guru menilai kemahiran bertutur secara autentik dan memberi maklum balas yang lebih tepat serta bermakna.

5



PENILAIAN HOLISTIK MELALUI HDP (HOLISTIC DEVELOPMENT PROFILE)

Penglibatan murid dalam aktiviti autentik seperti Vista Mart membolehkan guru menilai perkembangan mereka berdasarkan Subject-specific Learning Outcomes (LOs). Aktiviti Kemahiran bertutur berdasarkan tema Pasa Raya Vista dinilai sebagai salah satu penilaian holistik.

6



PENGAYAAN PEMBELAJARAN RENTAS BAHASA

Melalui kerjasama dengan Jabatan Bahasa Tamil (TL), pendekatan ini boleh diperluaskan untuk menyokong pembelajaran rentas bahasa, memperkaya pengalaman murid serta menggalakkan penggunaan bahasa dalam pelbagai konteks.

Secara keseluruhannya, Program Pasar Raya Vista menjadikan pembelajaran Bahasa Melayu lebih **autentik**, **bermakna** dan **relevan**, sambil menyokong pembangunan murid yang **yakin berkomunikasi**, **celik digital** dan **bersedia untuk pembelajaran masa hadapan**.

Bahan-bahan berkenaan dengan Program Pasar Raya Vista



<https://go.gov.sg/mtl-symposium-nvtps>




Imbas kod QR di sini!

<https://go.gov.sg/mtl-symposium-nvtps>

Contoh Buku Aktiviti Murid



Penglibatan ibu bapa melalui Padlet



Pasar Raya Vista!



Menggalakkan komunikasi dua hala antara pembeli dan penjual semasa proses membeli bahan-bahan masakan.



Kedai daging Ahmad. Salah sebuah gerai yang menjual pelbagai jenis daging dan ayam.



Murid-murid memainkan peranan sebagai pembeli dengan memilih dan membeli bahan-bahan berdasarkan menu yang telah dipilih.



Murid-murid boleh mempelajari pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan dan sayur-sayuran sambil mengenali ciri-ciri serta kegunaannya di gerai sayur-sayuran.



Murid-murid akan mengimbas kod QR di kaunter pembayaran untuk menyelesaikan aktiviti terakhir sebagai tiket keluar, sebelum mengakhiri pengalaman pembelajaran mereka di Pasar Raya Vista.



Kaunter penilaian holistik di mana murid-murid berpeluang memilih menu pilihan mereka sebelum menjalankan aktiviti pembelian bahan di gerai-gerai.



PASAR KITA, BAHASA KITA

MISI MEMBELI-BELAH DI PASAR!

Program ini menggalakkan murid mengaplikasikan Bahasa Melayu dalam situasi kehidupan sebenar melalui pengalaman membeli-belah bersama keluarga.

Murid berpeluang membina keyakinan bertutur, menggunakan kosa kata yang sesuai, serta mengamalkan komunikasi yang sopan ketika berinteraksi dengan penjual.



Apa yang Murid akan pelajari



Bertutur dengan yakin

Bertutur menggunakan ayat yang betul



Bertutur dengan sopan

Menggunakan ungkapan sopan semasa bertanya soal



Pembelajaran bersama keluarga

Belajar bersama keluarga dalam situasi sebenar



Kosa Kata Pasar

Mengenal dan menggunakan kosa kata bahan-bahan di pasar

Perjalanan Pembelajaran

1

Kenali perkataan



2

Berlatih bertutur



3

Membeli-belah



4

Muat naik ke Padlet



5

Refleksi



Di kedai sayur



Murid: Selamat pagi, pakcik!
Penjual: Selamat pagi. Ada yang boleh saya bantu?
Murid: Ya, saya hendak membeli sayur bayam.
Penjual: Baiklah. Ini bayamnya.
Murid: Terima kasih.

Di kedai ikan



Murid: Selamat pagi, makcik!
Penjual: Selamat pagi. Ada yang boleh saya bantu?
Murid: Ya, saya hendak membeli ikan sardin.
Penjual: Baiklah. Ini pilihannya.
Murid: Terima kasih.

Di kedai buah-buahan



Murid: Selamat pagi, makcik!
Penjual: Selamat pagi. Ada yang boleh saya bantu?
Murid: Ya, saya hendak membeli buah epal.
Penjual: Baiklah. Ini epalnya.
Murid: Terima kasih.



IMBAS KOD QR

untuk berkongsi pengalaman membeli-belah anda

Di kedai daging




Murid: Selamat pagi, pakcik!
Penjual: Selamat pagi. Ada yang boleh saya bantu?
Murid: Ya, saya hendak membeli daging lembu.
Penjual: Baiklah. Ini dagingnya.
Murid: Terima kasih.

Di kedai runcit



Murid: Selamat pagi, pakcik!
Penjual: Selamat pagi. Ada yang boleh saya bantu?
Murid: Ya, saya hendak membeli beras.
Penjual: Baiklah. Ini berasnya.
Murid: Terima kasih.

KONGSI PENGALAMAN DI PADLET



1 SAYUR-SAYURAN



3 DAGING



2 BUAH-BUAHAN



4 IKAN DAN MAKANAN LAUT



SENARAI SEMAK MEMBELI-BELAH

- ☐ Beri salam kepada penjual.
- ☐ Buat ucapan Selamat pagi kepada penjual.
- ☐ Tanyakan harga barang dengan sopan.
- ☐ Gunakan perkataan tanya atau boleh saya apabila meminta bantuan.
- ☐ Ambil barang dengan cermat.
- ☐ Tanyakan pada penjual.
- ☐ Bayar dengan tepat.
- ☐ Simpan barang dengan baik.
- ☐ Ucap terima kasih kepada penjual.
- ☐ Membuat perkongsian.

★ IMPAK PEMBELAJARAN



Meningkatkan keyakinan bertutur dalam Bahasa Melayu.



Menggunakan bahasa sopan dan berterima kasih dalam situasi sebenar.



Menggalakkan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran.



Menghubungkan pembelajaran di sekolah dengan pengalaman kehidupan sebenar.

★ PANDUAN IBU BAPA

Bersama ibu bapa amat penting dalam menjayakan misi membeli-belah dan pembelajaran di rumah.



BERCAKAP & BIMBING

Libatkan anak dalam perbualan dengan soalan dan ayat sopan semasa membeli-belah dengan penjual.



LIBATKAN DALAM PILIHAN

Berikan peluang kepada anak untuk memilih barang dan membuat keputusan bersama.



BERI PUJIAN & GALAKAN

Akhirkan dengan pujian dan galakan supaya mereka lebih bersemangat untuk bertutur.



JADIKAN CONTOH YANG BAIK

Tunjukkan cara berbahasa sopan, mengambil barang dengan cermat dan mengucapkan terima kasih.